



KOLEJ TAN SRI MUSTAFFA BABJEE
TAN SRI MUSTAFFA BABJEE COLLEGE

Rujuan Kami : UPM.KMB.700-4/1/2
Tarikh : 29 Januari 2024

Semua Pelajar

Kolej Tan Sri Mustaffa Babjee
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM SERDANG

Saudara/Saudari,

CUTI ANTARA SEMESTER SESI 2023/2024

Adalah dimaklumkan bahawa cuti semester akan bermula dari **19 Februari 2024 (Isnin) hingga 17 Mac 2024 (Ahad) selama empat (4) minggu**. Sehubungan dengan itu, semua pelajar Kolej Tan Sri Mustaffa Babjee (kecuali pelajar Perubatan) dikehendaki mengambil perhatian dan Tindakan seperti berikut:-

1. MENGOSONGKAN BILIK

- a) Sebelum pelajar menyerahkan kunci dan mendaftar keluar di Pejabat Pentadbiran Kolej Tan Sri Mustaffa Babjee, pelajar perlu memastikan dan melaksanakan perkara-perkara berikut:
 - i. Bilik berada dalam keadaan bersih dan tiada sampah.
 - ii. Perabot disusun atur seperti keadaan asal.
 - iii. Almari kosong, bersih dan tidak dikunci.
 - iv. Semua poster atau nota di dalam bilik ditanggalkan.
 - v. Suis lampu, kipas dan soket hendaklah dimatikan.
 - vi. Tingkap bilik hendaklah ditutup dan pintu bilik dikunci.
- b) Kegagalan pelajar melaksanakan perkara-perkara di atas akan dikenakan **denda RM50.00 dan demerit 10** bagi setiap kesalahan.

2. PEMULANGAN KUNCI DAN PENDAFTARAN KELUAR SEMESTER PERTAMA 2023/2024

- a) Pendaftaran keluar pada setiap semester adalah **wajib** dalam tempoh yang ditetapkan. Pemulangan kunci dan pendaftaran keluar boleh dilakukan seperti berikut:-

Tarikh : **05 hingga 09 Februari 2024 (Isnin hingga Jumaat)**
12 hingga 16 Februari 2024 (Isnin hingga Jumaat)
17 dan 18 Februari 2024 (Sabtu dan Ahad)
Masa : **9.00 pagi hingga 4.30 petang**
Tempat : **Pejabat Pentadbiran, Kolej Tan Sri Mustaffa Babjee**

- b) Kegagalan pelajar melaksanakan perkara di atas akan dikenakan **RM4.00 sehari** sehingga bilik dikosongkan dan kunci dipulangkan.

**** Pelajar tidak dibenarkan memulangkan kunci bilik bagi pihak kawan atau rakan sebilik. Jika ingkar arahan tersebut, pelajar boleh dikenakan tindakan denda sebanyak RM50.00 setiap seorang.**

3. **PENGINAPAN SEMASA CUTI SEMESTER**

Pelajar yang ingin menginap semasa cuti semester dikehendaki untuk mengisi Borang Permohonan Penginapan Semasa Cuti Semester. Pendaftaran dan bayaran sewaan **RM4.00 sehari** boleh dibuat di Pejabat Pentadbiran Kolej pada **18 Februari 2024 (Ahad)**.

4. **PERALATAN KOLEJ**

Semua peralatan kolej yang dipinjam terutamanya peralatan sukan, kebudayaan, elektrik dan peralatan-peralatan lain hendaklah dipulangkan **sebelum atau pada 02 Februari 2024 (Jumaat)**.

5. **TEMPAT MENYIMPAN BARANG**

Pelajar adalah digalakkan untuk membawa balik semua barang kepunyaan sendiri terutamanya barang-barang berharga. Walau bagaimanapun, pihak kolej ada menyediakan stor kemudahan untuk menyimpan barang sepanjang cuti semester ini. Stor akan mula dibuka pada 02 Februari 2024 (Jumaat) dan akan dikunci pada 19 Februari 2024 (Isnin). **Adalah diingatkan bahawa stor tidak akan dibuka sepanjang tempoh cuti.** Oleh itu, bagi pelajar yang akan terlibat dengan Latihan Industri dalam tempoh cuti semester, sila pastikan barang-barang yang ingin diguna tidak diletakkan di dalam stor berkenaan.

Stor Blok A	-	Rumah A-G-3
Stor Blok B	-	Rumah B-G-4
Stor Blok C	-	Rumah C-G-3
Stor Blok D	-	Rumah D-G-11

6. **PENDAFTARAN MASUK SEMESTER KEDUA 2023/2024**

Pelajar tidak dibenarkan untuk pulang awal ke kolej. Pelajar hanya boleh mendaftar masuk dan mengambil kunci pada tarikh seperti berikut:

Tarikh	: 16 dan 17 Mac 2024 (Sabtu dan Ahad)
Masa	: 9.00 pagi hingga 4.30 petang
Tempat	: Pejabat Pentadbiran Kolej Tan Sri Mustaffa Babjee

***** Pelajar tidak dibenarkan mengambil kunci bilik bagi pihak kawan atau rakan sebilik. Jika ingkar arahan tersebut, pelajar boleh dikenakan tindakan denda sebanyak RM50.00 setiap seorang.***

Akhir kata, saya dan semua kakitangan serta felo Kolej Tan Sri Mustaffa Babjee ingin mengambil kesempatan untuk **mengucapkan "SELAMAT BERCUTI, SELAMAT MENYAMBUT TAHUN BARU CINA DAN BERHATI-HATI DI JALAN RAYA"**.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERILMU BERBAKTI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


PROF. MADYA DR. JASRONITA BINTI JASNI
Pengetua
Kolej Tan Sri Mustaffa Babjee
Universiti Putra Malaysia

- s.k.
- Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), UPM
 - Pengarah Keselamatan, UPM
 - Ketua Felo, Kolej Tan Sri Mustaffa Babjee, UPM
 - Presiden, Majlis Perwakilan Kolej, Kolej Tan Sri Mustaffa Babjee, UPM